

TERHAD



**TEKS UCAPAN PERINTAH ULUNG
PANGLIMA TENTERA DARAT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

YANG BERBAHAGIA, LEFTENAN JENERAL DATUK MUHAMMAD HAFIZUDDAIN
BIN JANTAN, TIMBALAN PANGLIMA TENTERA DARAT

YANG BERBAHAGIA, LEFTENAN JENERAL, DATO' TENGKU MUHAMMAD FAUZI
BIN TENGKU IBRAHIM, PANGLIMA MEDAN BARAT TENTERA DARAT.

YANG BERBAHAGIA, LEFTENAN JENERAL, DATO' MARDZUKI BIN MUHAMMAD,
PANGLIMA MEDAN TIMUR TENTERA DARAT.

YANG BERBAHAGIA, LEFTENAN JENERAL DATO' MOHD SOFI BIN MD LEPI,
KETUA STAF TENTERA DARAT.

PANGLIMA-PANGLIMA, PARA PERWIRA, SARJAN MEJAR REJIMEN, PARA
BINTARA, PETANDA DAN PERAJURIT SERTA SELURUH WARGA TENTERA
DARAT YANG DIKASIHI SEKALIAN TERMASUKLAH YANG SEDANG
MELAKSANAKAN MISI DI LUAR NEGARA.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

DAN SALAM SEJAHTERA

TERHAD

PENDAHULUAN

1. ALHAMDULILLAH, SEGALA PUJI-PUJIAN SELAYAKNYA HANYA UNTUK ALLAH, TUHAN SEKALIAN ALAM. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SAW SERTA SELURUH KERABAT SERTA SAHABAT BAGINDA. BERSEMPENA DETIK YANG BERSEJARAH INI, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJATKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH YANG MAHA ESA, KERANA MEMBERI KITA KEKUATAN SERTA KESEMPATAN UNTUK BERDIRI PADA PAGI INI UNTUK SAYA MENYAMPAIKAN PERINTAH ULUNG SAYA SELAKU PANGLIMA TENTERA DARAT YANG KE-29.

PENGHARGAAN

2. PERTAMANYA, IZINKAN SAYA TERLEBIH DAHULU MENJUNJUNG SETINGGI-TINGGI KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SELAKU PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA YANG TELAH MEMPERKENANKAN PELANTIKAN SAYA SEBAGAI PANGLIMA TENTERA DARAT KE-29.

3. SAYA JUGA MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI, YANG BERHORMAT MENTERI PERTAHANAN DAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA YANG TELAH MEMBERIKAN KEPERCAYAAN KEPADA SAYA UNTUK MENERAJUI KEPIMPINAN TENTERA DARAT. TIDAK DILUPAKAN, KATA-KATA SEMANGAT SERTA NASIHAT OLEH PANGLIMA-PANGLIMA TENTERA DARAT YANG TERDAHULU KHUSUSNYA, JENERAL TAN SRI DATO' SERI ZAMROSE BIN MOHD ZAIN, YANG AKAN SAYA JADIKAN PANDUAN SERTA PEDOMAN SEPANJANG PEMERINTAHAN SAYA.

4. SESUNGGUHNYA, PELANTIKANINI MERUPAKAN SATU AMANAH BERAT YANG PERLU SAYA GALAS SEBAIK-BAIKNYA SEPERTI YANG DITEKANKAN DI DALAM HADIS;

TERHAD

DARIPADA IBNU UMAR RADIALLAHUANHU. NABI MUHAMMAD SAW BERSABDA YANG BERMAKSUD: KETAHUILAH, SETIAP DARI KAMU ADALAH PEMIMPIN DAN SETIAP DARI KAMU AKAN DIPERSOALKAN ATAS APA YANG DIPIMPIN.

- HADIS RIWAYAT IMAM MUSLIM

TENTERA DARAT YANG KREDIBEL

WARGA TENTERA DARAT YANG SAYA KASIHI SEKALIAN,

5. SESUNGGUHNYA, USAHA MEMELIHARA KEAMANAN DAN KEDAULATAN NEGARA ADALAH AMANAH YANG AMAT BESAR. SAYA BERKEHENDAKKAN AGAR TENTERA DARAT DIPERKUKUHKAN UNTUK MENJADI SEBUAH ANGKATAN YANG KREDIBEL DALAM MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN, KEUTUHAN WILAYAH DAN MELINDUNGI KEPENTINGAN NEGARA. KEPERLUANINI MENJADI SANGAT MENDESAK TERUTAMA DENGAN SITUASI KERAPUHAN PERSEMPADANAN ANTARABANGSA YANG KOMPLEKS SERTA KEDUDUKAN GEOGRAFI DUA WILAYAH DARATAN MALAYSIA YANG DIPISAHKAN OLEH LAUT CHINA SELATAN.

6. JUSTERU, TENTERA DARAT YANG KREDIBEL MESTILAH SEAJAR DENGAN PROFIL ANGKATAN MASA HADAPAN YANG DIGARISKAN OLEH KERTAS PUTIH PERTAHANAN DAN STRATEGI KETENTERAAN NEGARA. IA BERASASKAN ENAM CIRI BERIKUT IAITU **KEBERSAMAAN, KEBOLEHOPERASIAN, BERASASKAN TEKNOLOGI, BERUPAYA UNTUK BEROPERASI DI DUA WILAYAH, BERORIENTASIKAN MISI DAN KECEKAPAN LOGISTIK**. SELAIN ITU TENTERA DARAT JUGA AKAN MENERUSKAN ASPIRASI ATM DALAM MENJANA **KEUPAYAAN PEPERANGAN BERSAMA** YANG BERASASKAN SINERGI MERENTAS DOMAIN DEMI MEMASTIKAN KESELAMATAN, KEDAULATAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERPELIHARA.

7. TENTERA DARAT KINI SEDANG MENGORAK LANGKAH KE ARAH PEMBENTUKAN SATU KETUMBUKAN YANG KREDIBEL MENERUSI **PELAN PEMBANGUNAN KEUPAYAAN STRATEGIK ARMY 4NEXTG** YANG

TERHAD

BERMATLAMAT ATAU *FIT FOR PURPOSE*, TERATUR, MENYELURUH DAN TERANGKUM.

HASRAT DAN HALATUJU

8. SITUASI STRATEGIK DUNIA DAN SERANTAU ADALAH SUKAR DIRAMAL SERTA DIPENGARUHI OLEH KETIDAKTENTUAN DALAM HUBUNGAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA. OLEH YANG DEMIKIAN, TENTERA DARAT PERLU BERGERAK TANGKAS UNTUK MENDOKONG MATLAMAT MALAYSIA YANG SELAMAT, BERDAULAT DAN MAKMUR SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DALAM KERTAS PUTIH PERTAHANAN. SELAIN ITU, TENTERA DARAT JUGA PERLU MENDOKONG POSTUR ATM YANG BERSEPADU, TANGKAS DAN BERFOKUS SEJAJAR DENGAN STRATEGI KETENTERAAN NEGARA.

9. JUSTERU, HASRAT DAN TUMPUAN UTAMA SAYA ADALAH UNTUK MENGEMBLENG SEGALA USAHA TERHADAP PEMBENTUKAN SERTA PEMBANGUNAN TENTERA DARAT YANG KREDIBEL MELALUI TIGA OBJEKTIF BERIKUT;

A. **OBJEKTIF PERTAMA - KESIAPSIAGAAN.** TENTERA DARAT AKAN DIBANGUNKAN MENJADI SEBUAH ANGKATAN YANG MEMILIKI KESIAPSIAGAAN OPTIMA YANG MAMPU MENGEKSPLOITASI KESELURUHAN ELEMEN KEUPAYAAN DAN DAYA TEMPURNYA DALAM MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN SERTA MELINDUNGI KEPENTINGAN NEGARA.

B. **OBJEKTIF KEDUA - KEMAMPANAN ORGANISASI.** TENTERA DARAT AKAN MEMBERIKAN PENEKANAN UNTUK MEMILIKI STRUKTUR ORGANISASI YANG MAMPAN. IANYA MELIBATKAN **PENGUKUHAN SUMBER MANUSIA YANG BERPENGETAHUAN, BERKEMAHIRAN DAN BERSIKAP LUHUR** YANG MENJADI ASAS PEMBENTUKAN PERWIRA DAN PERAJURIT YANG MEMILIKI **DAYA JUANG YANG TINGGI**. PENCAPAIAN KESIAPSIAGAAN AKAN **MENJAMIN KEMAMPANAN ORGANISASI YANG UTUH SERTA BERUPAYA UNTUK MEMBERI OPSYEN TINDAKBALAS**

TERHAD

KETENTERAAN BERJULAT LUAS DALAM PERSEKITARAN OPERASI PELBAGAI DOMAIN.

C. OBJEKTIF KETIGA - SAHSIAH KEPERWIRAAN. TENTERA DARAT AKAN MEMBANGUNKAN WARGANYA MENJADI PERWIRA DAN PERAJURIT YANG BERPEGANG TEGUH KEPADA ETOS KEPAHLAWANAN YANG MERANGKUMI ELEMEN-ELEMEN BERIKUT; KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN, DISPLIN, TAAT SETIA, SANGGUP BERKORBAN, SEMANGAT SETIA KAWAN, INTERGRITI, KEBERANIAN, MARUAH DAN PROFESIONALISME. DI SAMPING ITU PEMERKASAAN NILAI-NILAI KEROHANIAN AKAN TERUS DIPERKAYAKAN BAGI MENJADI PEMANGKIN KEPADA PERWIRA DAN PERAJURIT AGAR MEMILIKI SEMANGAT DAN DAYA JUANG YANG TINGGI.

SINERGI MAN, MACHINE DAN METHOD

10. DEMI MENENTUKAN KESEMUA OBJEKTIF YANG DINYATAKAN TERCAPAI, MAKA KETIGA-TIGA ELEMEN TERPENTING ORGANISASI TENTERA DARAT IAITU *MAN*, *MACHINE* DAN *METHOD* MESTI DIOLAH SECARA GANDINGAN TERTUMPU, TERANCANG SERTA MENYELURUH. SAYA MENJELASKAN IA MELALUI KONSEP SINERGI 3M.

11. *MAN*. WARGA TENTERA DARAT MERUPAKAN ELEMEN TERPENTING BAGI MENGISI KEKUATAN TEMPUR YANG KOMPETEN YANG MAMPU MENGERAKKAN KETUMBUKAN MELALUI JIWA, SEMANGAT, MOTIVASI SERTA DAYA JUANG YANG TINGGI. SEBAGAI WARGA TENTERA DARAT YANG PROFESIONAL, KITA DITUNTUT UNTUK MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB SERTA MEMELIHARA IMEJ KEPAHLAWANAN DENGAN SEBAIK MUNGKIN. BERBANGGALAH SEBAGAI SEORANG PERWIRA DAN PERAJURIT TENTERA DARAT PROFESIONAL DAN SANGGUP MENGGADAIKAN JIWA DAN RAGA UNTUK BERKORBAN DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA YANG TERCINTA.

TERHAD

12. **MACHINE.** PERALATAN DAN SISTEM KELENGKAPAN MERUPAKAN ELEMEN KEDUA TERPENTING DALAM PEMBENTUKAN SESEBUAH KETUMBUKAN. SELAIN DARI ITU, MACHINE JUGA BOLEH DITAKRIFKAN SEBAGAI MEKANISME ATAU PLATFORM KETENTERAAN DAN PERTAHANAN YANG BOLEH DIATURGERAK UNTUK MENCAPAI OBJKTIF YANG DIGARISKAN. ADALAH MUSTAHAK UNTUK TENTERA DARAT DILENGKAPKAN DENGAN PERALATAN, SERTA SISTEM KELENGKAPAN DAN MEKANISME KETENTERAAN YANG MENDUKUNG KONSEP PERSEKITARAN OPERASI PELBAGAI DOMAIN. SELAIN ITU, PENUMPUAN JUGA DITEKANKAN TERHADAP PEMBANGUNAN DOKTRIN SECARA SISTEMATIK BAGI MEMENUHI ASPIRASI ANGKATAN MASA HADAPAN.

13. **METHOD.** PENDEKATAN ATAU KAEDAH YANG RELEVAN, REALISTIK DAN PRAKTIKAL PERLU DISESUAIKAN DALAM SETIAP PELAKSANAAN AKTIVITI SECARA TERANCANG AGAR DAPAT MENJAMIN KEBERHASILAN YANG MENEPATI MISI DAN MATLAMAT. LANTARAN ITU SEMUA PEMERINTAH HENDAKLAH MENENTUKAN AGAR DOKTRIN DAN PROSEDUR YANG DIGUNAKAN SENTIASA SEJAJAR DENGAN KEPERLUAN KONSEP OPERASI SERTA BERORIENTASIKAN MISI.

PENCAPAIAN TERAS UTAMA MELALUI SINERGI 3M

WARGA TENTERA DARAT YANG SAYA KASIHI,

14. UNTUK MENENTUKAN KEGEMILANGAN TENTERA DARAT TERPELIHARA DAN DIPERKASA, INTIPATI UTAMA PERINTAH ULUNG INI, AKAN MENEKANKAN **LIMA TERAS UTAMA** YANG AKAN DIJADIKAN PARAMETER DAN HARUS DICAPAI MELALUI **SINERGI 3M** YANG MEMBERI TUMPUAN KEPADA PENDEKATAN SECARA MENYELURUH MERANGKUMI ASPEK REKABENTUK (DESIGN), PEMBANGUNAN (DEVELOP) DAN APLIKASI ANGKATAN. TERAS INI MERUPAKAN KESINAMBUNGAN KEPADA TONGGAK PERINTAH ULUNG PANGLIMA TENTERA DARAT KE-28 YANG SAYA YAKINI MASIH RELEVAN KEPADA TENTERA DARAT PADA MASA KINI. JUSTERU, SAYA BERKEHENDAKKAN AGAR USAHA INI DITERUSKAN BAGI MEMASTIKAN

TERHAD

KELANGSUNGAN SERTA KESINAMBUNGAN INISIATIF-INISIATIF TERDAHULU. NAMUN, PENAMBAHBAIKAN YANG BERSIFAT INOVATIF DAN KREATIF PERLU DILAKSANAKAN OLEH SEMUA PERINGKAT PEMERINTAHAN TENTERA DARAT SECARA AKTIF.

PENINGKATAN KESIAGAAN

15. **TERAS PERTAMA - PENINGKATAN KESIAGAAN.** KESIAGAAN TENTERA DARAT MERUPAKAN FOKUS UTAMA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN SEWAJARNYA AGAR MISI YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN TERLAKSANA DENGAN SEMPURNA. TENTERA DARAT JUGA BERTANGGUNGJAWAB MEMASTIKAN KEUPAYAAN BEROPERASI SECARA SERENTAK DI DUA WILAYAH MAMPU DILAKSANAKAN DEMI MENDUKUNG HASRAT KERTAS PUTIH PERTAHANAN, STRATEGI KETENTERAAN NEGARA (SKN) DAN JUGA ASPIRASI ANGKATAN MASA HADAPAN.

16. BAGI MEMASTIKAN KESIAGAAN SUMBER MANUSIA MEMENUHI ASPIRASI *KNOWLEDGE BASED ARMY*, SAYA MENEKANKAN AGAR TENTERA DARAT SECARA AKTIF DAN KONSISTEN BERUSAHA MENINGKATKAN KOMPETENSI SUMBER MANUSIA DALAM ASPEK KEROHANIAN, ILMIAH DAN FIZIKAL. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PENDIDIKAN PROFESIONAL KETENTERAAN SERTA LATIHAN HENDAKLAH MENJURUS KEPADA PENINGKATAN TAHAP PROFESIONALISME DEMI MENJADIKAN ORGANISASIINI LEBIH BERSEPADU, TANGKAS DAN BERFOKUS SERTA BERDAYA SAING.

17. SAYA BERKEHENDAKKAN AGAR LATIHAN YANG BERTERASKAN MISI (MISSION ORIENTED TRAINING) YANG PRAKTIKAL, REALISTIK, DINAMIK, INOVATIF DAN BERKESAN DIRANCANG SERTA DILAKSANAKAN SECARA BERTERUSAN DI SETIAP PERINGKAT. SETIAP LAPISAN PEMERINTAHAN MESTI MENENTUKAN LATIHAN INDIVIDU MAUPUN KOLEKTIF DILAKSANAKAN SECARA KONSISTEN UNTUK MEMPERKUKUHKAN KEMAHIRAN WARGA TENTERA DARAT.

TERHAD

18. SELAIN ITU, USAHA BAGI MELENGKAPKAN KEPERLUAN DAN PERALATAN INDIVIDU PERLU DIPERGIATKAN BAGI MEMASTIKAN SETIAP ANGGOTA BERUPAYA UNTUK BERLATIH DAN MEMILIKI KEMAHIRAN KETENTERAAN YANG BERTEPATAN DENGAN KEPERLUAN OPERASI. DENGAN KATA LAIN, *WE EQUIP THE MAN NOT THE MACHINE.*

19. WALAUPUN NEGARA PADA KETIKAINI MENGHADAPI CABARAN KEMELESETAN EKONOMI, NAMUN USAHA-USAHA PENINGKATAN KEUPAYAAN SERTA KESIAGAAN MELALUI PEROLEHAN SISTEM PERSENJATAAN DAN KELENGKAPAN YANG BERORIENTASIKAN MISI SERTA BERLANDASKAN KONSEP DAN DOKTRIN PERLU DITERUSKAN SECARA KONSISTEN. PENUMPUMAN KEPADA KEUPAYAAN KUASA TEMBAKAN, MOBILITI, KOMUNIKASI DAN LOGISTIK BERTERASKAN TEKNOLOGI TERKINI ADALAH PENTING UNTUK MEMASTIKAN TENTERA DARAT TIDAK KETINGGALAN DAN SENTIASA BERSEDIA MENGHADAPI PELBAGAI BENTUK ANCAMAN YANG BERSIFAT HIBRID.

20. SELAIN ITU, KEUPAYAAN SIBER JUGA AKAN TURUT DIPERTINGKATKAN MERANGKUMI ASPEK C⁴ISRT (COMMAND, CONTROL, COMMUNICATIONS, COMPUTERS, INTELLIGENCE, SURVEILLANCE, RECONNAISSANCE AND TARGETING) DEMI MENENTUKAN SISTEM PERINTAH DAN KAWALAN TENTERA DARAT TERUS KEKAL RELEVAN DALAM PERSEKITARAN YANG SEMAKIN MENCABAR. PERANCANGAN PEROLEHAN YANG RAPI AKAN DILAKSANAKAN BAGI MEMASTIKAN PERUNTUKAN TERHAD YANG DITERIMA DAPAT DIMANFAATKAN SECARA BIJAK DAN MEMBERI KEBERHASILAN BERIMPAK TINGGI.

21. BAGI MENINGKATKAN KESIAGAANINI JUGA, SAYA MENYERU AGAR PELAKSANAAN OPERASI DAN LATIHAN SECARA BERTERUSAN, BERSAMA SERTA BERSEPADU, DENGAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN SERTA AWAM TERUS DIGEMBLENG BAGI MENJANA **PENDEKATAN KESELURUHAN KERAJAAN DAN KESELURUHAN MASYARAKAT (WOGOS).** KEBERKESANAN OPERASI BOLEH DICAPAI MELALUI DIREKTIF DAN DOKTRIN YANG SENTIASA DIKEMAS KINI MERANGKUMI PELAN-PELAN KONTIJENSI,

TERHAD

PENGARAHAN, DASAR TERKINI, MAKLUMAT PERISIKAN SERTA DOKONGAN BANTUAN LOGISTIK YANG BERKESAN.

22. BAGI MEMASTIKAN SISTEM PERSENJATAAN DAN KELENGKAPAN SEDIA ADA BERADA PADA TAHAP KESIAGAAN YANG TINGGI, PENGURUSAN KITAR HAYAT YANG EFISIEN DAN HOLISTIK DILAKSANAKAN MELALUI **STRATEGI SENGGARAAN MENYELURUH**. INI MERANGKUMI PELAKSANAAN AKTIVITI-AKTIVITI SENGGARAAN YANG BERTERASKAN ELEMEN PENCEGAHAN DAN RAMALAN (PREVENTIVE DAN PREDICTIVE).

PENGUKUHAN ORGANISASI DAN MODAL INSAN

23. **TERAS KEDUA - PENGUKUHAN ORGANISASI DAN MODAL INSAN.** ORGANISASI YANG UTUH SERTA MODAL INSAN YANG CEMERLANG ADALAH PENDUKUNG UTAMA KREDIBILITI TENTERA DARAT YANG AKAN MENGHASILKAN TADBIR URUS YANG TELUS DAN BERKESAN.

SAYA MEMETIK FRASA DARI JENERAL GEORGE S. PATTON,

“THE SOLDIER IS THE ARMY. NO ARMY IS BETTER THAN ITS SOLDIERS. THE SOLDIER IS ALSO A CITIZEN. IN FACT, THE HIGHEST OBLIGATION AND PRIVILEGE OF CITIZENSHIP IS THAT OF BEARING ARMS FOR ONE’S COUNTRY”

24. PALING UTAMA, JIWA DAN NALURI WARGA TENTERA DARAT PERLU DIISI DENGAN KETEGUHAN ROHANI BAGI MENINGKATKAN KEIMANAN SERTA JATI DIRI DAN SETERUSNYA BERUPAYA MENANGKIS ANASIR-ANASIR YANG MAMPU MENCALARKAN IMEJ TENTERA DARAT. BAGI MENGIMBANGI KEPERLUAN MASA HADAPAN, KEUPAYAAN INTELEKTUAL SERTA KEMAHIRAN PERWIRA DAN PERAJURIT JUGA WAJIB DIPERTINGKATKAN TERUTAMANYA DALAM BIDANG SAINS PERTAHANAN, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN SIBER SERTA BIDANG-BIDANG LAIN YANG DILIHAT KRITIKAL KEPADA KONSEP OPERASI TENTERA DARAT HARI INI DAN DI MASA HADAPAN.

TERHAD

25. SELAIN DARI ITU, PEMBANGUNAN MODAL INSAN WARGA TENTERA DARAT HENDAKLAH BERLANDASKAN IKRAR KESATRIA DAN MENEPATI KRITERIA BERIKUT: **KARAKTER, CERGAS, CEKAP, CERDAS, CAKNA DAN MENJADI CONTOH.** DALAM PADA ITU, PEMBANGUNAN KEPIMPINAN DI SETIAP PERINGKAT STRATEGIK, OPERASIONAL DAN TAKTIKAL AKAN TERUS MENJADI FOKUS UTAMA DALAM MEMACU ORGANISASI TENTERA DARAT YANG MAMPAN.
26. ORGANISASI YANG BERTERASKAN INOVASI DAN TEKNOLOGI JUGA MERUPAKAN SALAH SATU KEUTAMAAN YANG AKAN DIBERI PERHATIAN. PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERKINI YANG SELAMAT SERTA BOLEH DIHARAP ADALAH PENTING BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN (DECISION MAKING) DI PELBAGAI PERINGKAT.
27. SAYA MENUNTUT AGAR INSTITUSI-INSTITUSI LATIHAN TENTERA DARAT MENINGKATKAN KUALITI LATIHAN BERDASARKAN FALSAFAH LATIHAN TENTERA DARAT BAGI PEMBANGUNAN **THINKING SOLDIER** DENGAN MENGADAPTASIKAN INOVASI SERTA TEKNOLOGI TERKINI DALAM MEMBENTUK **KNOWLEDGE BASED ARMY**. INISIATIF DAN PENDEKATANINI ADALAH UNTUK MENJADIKAN WARGA TENTERA DARAT YANG MEMILIKI KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (HIGH ORDER THINKING SKILL).
28. PENEKANAN PEMBANGUNAN KEPIMPINAN TERUTAMA DI PERINGKAT *JUNIOR LEADERS* PERLU DIGIATKAN MELALUI PENDIDIKAN PROFESIONAL KETENTERAAN (PME) AGAR MENJADI SEORANG KETUA YANG SERBA-BOLEH BAGI MEMENUHI CABARAN PENUGASAN DAN TANGGUNGJAWAB DALAM KONTEKS ANGKATAN MASA HADAPAN.
29. PROSES PENGUKUHAN ORGANISASI TENTERA DARAT MELALUI PENUBUHAN PASUKAN-PASUKAN BAHRU SERTA PENSTRUKTURAN ORGANISASI SEDIA ADA JUGA SEDANG DILAKSANAKAN MENGIKUT PERANCANGAN. PROSES PEMBANGUNAN SERTA PENYESUAIAN YANG DILAKSANAKANINI ADALAH SEJAJAR DENGAN KEPERLUAN STRATEGIK SEPERTI MANA YANG DIRENCANA MELALUI ARMY 4NEXTG.

TERHAD

30. PENSTRUKTURAN ORGANISASI PULA AKAN MENJURUS KEPADA PENDEKATAN YANG BERSIFAT *MODULAR, LEAN AND COMPACT* YANG BERSESUAIAN DENGAN PERSEKITARAN OPERASI PELBAGAI DOMAIN. PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN KETENTERAAN AKAN TURUT DISESUAIKAN DENGAN KONSEP PENSTRUKTURAN TENTERA DARAT YANG TELAH SAYA NYATAKAN SEBENTAR TADI. REFORMASI ORGANISASIINI MESTILAH SENTIASA DINAMIK SERTA SEIRING DENGAN KONSEP OPERASI, PERKEMBANGAN TEKNOLOGI PERTAHANAN DAN STRATEGI KETENTERAAN NEGARA.

31. MELALUI ARMY 4NEXTG, BEBERAPA AKTIVITI TELAH DIRANCANG UNTUK DILAKSANAKAN YANG MERANGKUMI ASPEK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN KETENTERAAN DAN LATIHAN, STRUKTUR ORGANISASI, FASILITAS LATIHAN DAN KEMUDAHAN UNTUK MENGADAPTAI TEKNOLOGI KETENTERAAN DAN KOLABORASI BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEDIA ADA. USAHA INI JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMPERBAIKI PRESTASI MASA KINI DAN BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI CABARAN MASA HADAPAN.

KESEJAHTERAAN WARGA

32. **TERAS KETIGA - KESEJAHTERAAN WARGA.** KESEJAHTERAAN SERTA KEBAJIKAN WARGA TENTERA DARAT MERUPAKAN KEUTAMAAN YANG AKAN DITERUSKAN. IANYA JUGA MERUPAKAN TEMA HARI TENTERA DARAT YANG KE-89 DAN KE-90. PENUMPuan KEPADA KESEJAHTERAAN WARGA JUGA ADALAH SELARI DENGAN APA YANG DIHASRATKAN OLEH KERAJAAN MELALUI KONSEP KERAJAAN MADANI TERUTAMANYA DI DALAM ASPEK KESEJAHTERAAN INSAN. SAYA MEMETIK KATA-KATA MAHATMA GANDHI IAITU:

“MAN BECOMES GREAT EXACTLY IN THE DEGREE IN WHICH HE WORKS FOR THE WELFARE OF HIS FELLOW-MEN”

TERHAD

33. OLEH ITU, TENTERA DARAT SENTIASA PEKA DAN AKUR AKAN KEPERLUAN MENINGKATKAN KUALITI HIDUP WARGANYA SEBAGAI SALAH SATU TANGGUNGJAWAB PEMERINTAHAN (**COMMAND RESPONSIBILITY**). TENTERA DARAT AKAN SENTIASA MEMBERIKAN TUMPUAN TERHADAP USAHA MENINGKATKAN ASPEK KESEJAHTERAAN, PELESTARIAN DAN KEBAJIKAN ANGGOTA SERTA AHLI KELUARGA. SAYA YAKIN DAN PERCAYA, IANYA AKAN MENINGKATKAN MORAL, SEMANGAT SERTA DAYA JUANG YANG TINGGI WARGA TENTERA DARAT.

34. INISIATIF UNTUK MENINGKATKAN KEMUDAHAN RUMAH KELUARGA DAN KESELESAAN TEMPAT BERTUGAS AKAN TERUS DIBERI TUMPUAN BAGI MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF. WALAUPUN KITA BERHADAPAN PERUNTUKAN KEWANGAN YANG TERHAD, NAMUN PERANCANGAN BAGI MENYEDIAKAN KEDIAMAN DAN PERSEKITARAN YANG SELESA SAMA ADA MELALUI BINA BAHRU, NAIK TARAF ATAU SENGGARAAN, AKAN TETAP DILAKSANAKAN DI LOKASI-LOKASI YANG SANGAT MEMERLUKAN. SELAIN DARIPADA ASPEK PERUMAHAN, KESEJAHTERAAN WARGA JUGA MERANGKUMI PROGRAM-PROGRAM BERBENTUK INISIATIF PENDIDIKAN, PROGRAM-PROGRAM PENINGKATAN KESIHATAN FIZIKAL DAN MENTAL SERTA PROGRAM-PROGRAM PENGUKUHAN NILAI KEROHANIAN.

35. DEMI MEMASTIKAN PERKARA-PERKARAINI DILAKSANAKAN SECARA BERKESAN, TENTERA DARAT AKAN MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DENGAN RAPI BERDASARKAN KEUTAMAAN DAN AKAN SENTIASA BERKOLABORASI DENGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN AGENSI-AGENSI YANG BERKAITAN KEBAJIKAN MELALUI PENDEKATAN PENGUKURAN DAN PENILAIAN SECARA KUALITATIF.

36. SAYA JUGA BERHARAP DAPAT MENERUSKAN KERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN KEBAJIKAN SEPERTI LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA, BANK-BANK KOMERSIAL, LEMBAGA ZAKAT DAN SEBAGAINYA SUPAYA BANTUAN-BANTUAN KEBAJIKAN DAPAT DISALURKAN DENGAN LEBIH BAIK.

TERHAD

37. BADAN KEBAJIKAN KELUARGA ANGKATAN TENTERA AKAN TURUT SAMA DIGANDINGKAN SECARA AKTIF DALAM MEMACU AGENDA MURNIINI BERSAMA TENTERA DARAT AGAR KESELURUHAN HASRAT YANG TELAH SAYA NYATAKAN SEBENTAR TADI TERCAPAI.

PENGUKUHAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

38. **TERAS KEEMPAT - PENGUKUHAN HUBUNGAN ANTARABANGSA.** HUBUNGAN ERAT DI PERINGKAT SERANTAU DAN ANTARABANGSA ADALAH MUSTAHAK BAGI MEMPERKASAKAN KOMITMEN TENTERA DARAT DI DALAM MELINDUNGI KEPENTINGAN NEGARA DARIPADA ANCAMAN LUAR.

39. WARGA TENTERA DARAT TELAH DAN AKAN TERUS MEMPEROLEHI MANFAAT TERUTAMANYA DALAM ASPEK *OPERATIONAL ART AND DESIGN* YANG MELIPUTI KONSEP PERSEKITARAN OPERASI PELBAGAI DOMAIN, KEBOLEHOPERASIAN DAN KEYAKINAN ANTARA TENTERA DARAT NEGARA SAHABAT. INI ADALAH HASIL DARIPADA KERJASAMA ERAT YANG DICAPAI MELALUI JALINAN DIPLOMASI PERTAHANAN YANG UTUH SAMA ADA MELALUI PLATFORM BILATERAL MAUPUN MULTILATERAL.

40. RUANG KERJASAMA KETENTERAAN DENGAN NEGARA SAHABAT DI SEMUA PERINGKAT DIPLOMASI PERTAHANAN AKAN TERUS DIPERTINGKATKAN SECARA KONSISTEN DAN TERTUMPU. ANTARA INISIATIF YANG DITEKANKAN ADALAH PLATFORM KERJASAMA PERTAHANAN DI PERINGKAT SERANTAU DAN ANTARABANGSA. TENTERA DARAT PERLU TERUS MENGOPTIMUMKAN SEGALA RUANG DAN PELUANG KERJASAMA SEDIA ADA SERTA SENTIASA MENEROKA PELUANG-PELUANG KERJASAMA BAHRU SUPAYA ASPEK HUBUNGAN ANTARABANGSAINI DAPAT TERUS DIPERKUKUHKAN.

KEUTUHAN HUBUNGAN TENTERA DAN AWAM

41. **TERAS KELIMA - KEUTUHAN HUBUNGAN TENTERA DAN AWAM.** TENTERA DARAT MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB YANG SANGAT BESAR

TERHAD

DALAM MEMASTIKAN PEMBANGUNAN NEGARA DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN. SEHINGGA KINI, IMEJ YANG POSITIF YANG DITONJOLKAN OLEH TENTERA DARAT TELAH BERJAYA MENJADIKAN KETUMBUKAN INI DIPANDANG TINGGI DAN TERUS RELEVAN SERTA MERAIH SOKONGAN RAKYAT DAN KUMPULAN SASARAN SECARA MENYELURUH.

42. TENTERA DARAT AKAN SENTIASA MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KESIAPSIAGAAN BAGI MEMBANTU NEGARA PADA SEBILANG MASA. SAYA BERKEHENDAKKAN SEMUA PERINGKAT PEMERINTAHAN TENTERA DARAT SENTIASA BERSEDIA UNTUK DIATURGERAKKAN DALAM APA JUA KEADAAN. KOMPETENSI DAN DEDIKASI PEGAWAI DAN ANGGOTA TELAH PUN DIBUKTIKAN DALAM PELBAGAI OPERASI DAN SITUASI TERUTAMANYA KETIKA NEGARA DILANDA PANDEMIK COVID-19.

43. JALINAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENSI LAIN YANG BERKAITAN AKAN TERUS DIPERTINGKAT SERTA DIPERKEMASKAN DENGAN MENGADAPTSIKAN PENDEKATAN *WHOLE OF GOVERNMENT AND WHOLE OF SOCIETY (WOGOS)* YANG LEBIH PROGRESIF.

44. KERJASAMA YANG DIJALIN AKAN TERUS DIPERKUKUHKAN TANPA KOMPROMI TERHADAP TUGAS UTAMA DEMI MENDUKUNG TONGGAK STRATEGI PERTAHANAN NEGARA. DI SAMPING ITU, TENTERA DARAT AKAN TERUS MENJALINKAN KERJASAMA YANG LEBIH ERAT BERSAMA PELBAGAI AGENSI DAN PEMEGANG TARUH PERTAHANAN.INI TURUT MERANGKUMI PEMBANGUNAN BERTERUSAN PASUKAN SIMPANAN TENTERA DARAT YANG AKAN MEMPERKUKUHKAN PERANAN TENTERA DARAT DALAM MEMELIHARA KEDAULATAN DAN MEMPERTAHANKAN NEGARA DARI SEGALA BENTUK ANCAMAN.

CABARAN

WARGA TENTERA DARAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

TERHAD

45. DI DALAM MENCAPAI TERAS-TERAS YANG DINYATAKAN TADI, SAYA MENYEDARI BAHAWA TERDAPAT BEBERAPA CABARAN YANG PERLU KITA HADAPI DAN HARUNGI BERSAMA. CABARAN YANG PALING UTAMA ADALAH DARI SEGI PERSEKITARAN GEOPOLITIK SERTA EKONOMI YANG TIDAK MENENTU DAN SPEKTRUM ANCAMAN BERJULAT LUAS YANG MEMERLUKAN TENTERA DARAT SENTIASA BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI SEGALA KEMUNGKINAN DENGAN TINDAKBALAS KETENTERAAN YANG BERSESUAIAN.

46. NAMUN, INI BUKANLAH PENGHALANG KEPADA TENTERA DARAT UNTUK MEREALISASIKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DALAM MENJAGA KEDAULATAN, KEUTUHAN WILAYAH DAN KEPENTINGAN NEGARA MALAYSIA YANG TERCINTA. JUSTERU, SAYA BERKEHENDAKKAN AGAR PEMANTAUAN DILAKSANAKAN SECARA SISTEMATIK DAN KONSISTEN BAGI MENENTUKAN HALA TUJU DAN KESINAMBUNGAN HASRAT TENTERA DARAT YANG KREDIBEL TERCAPAI.

47.INI AKAN DIPERKUKUHKAN MELALUI PELAKSANAAN AKTIVITI PENGAUDITAN SECARA BERTERUSAN, TERTUMPU, BERSASAR DAN MENYELURUH. SEGALA PENEMUAN YANG DIPEROLEHI AKAN DIJADIKAN ASAS PENAMBAHBAIKAN DAN PERLU DIJAJARKAN KEPADA KONSEP OPERASI, SISTEM PEMBELAJARAN DAN MEKANISME TADBIR URUS TENTERA DARAT KESELURUHANNYA.

48. WALAU APA PUN CABARAN YANG ADA, SAYA PERCAYA SERTA YAKIN BAHAWA SELURUH WARGA TENTERA DARAT AKAN SENTIASA TAAT SETIA DAN BERDIRI BERSAMA-SAMA DENGAN SAYA DALAM MENCAPAI MISI YANG DITETAPKAN SEBAGAI MANA FIRMAN ALLAH DI DALAM SURAH AN-NISA AYAT 59 YANG BERMAKSUD:

WAHAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, TAATILAH ALLAH DAN TAATILAH RASUL (MUHAMMAD), DAN ULIL AMRI (PEMERINTAH) DI ANTARA KAMU.

TERHAD

PENUTUP

49. SEBELUM MENGAKHIRI PERINTAH ULUNG INI, SAYA MENGAJAK SEMUA WARGA TENTERA DARAT UNTUK MENGINGAT DAN MERENUNG AKAN KATA-KATA INI;

“WHAT WE ARE DOING TODAY IS FOR THE FUTURE,
AND WE HAVE TO EVOLVE, WE HAVE TO REFORM.
IT IS TODAY THAT DICTATES OUR TOMORROW”

50. OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA BERKEHENDAKKAN SEMUA PERINGKAT PEMERINTAHAN TENTERA DARAT BERSAMA-SAMA SAYA BERGANDING BAHU DENGAN PENUH ILTIZAM DAN KEYAKINAN UNTUK MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB MENJADIKAN TENTERA DARAT YANG KREDIBEL BAGI MENDUKUNG HASRAT NEGARA YANG SELAMAT, BERDAULAT DAN MAKMUR.

SEKIAN, SAYA SUDAHI DENGAN

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

‘GAGAH SETIA’

.....
JENERAL DATUK SERI MOHAMMAD BIN AB RAHMAN
PANGLIMA TENTERA DARAT

2 MEI 2023/ 11 SYAWAL 1444H